

BAB 2 : BAHAN DAN KAEDAH (SEM)

2.1 Bahan

Daun dan bunga daripada 22 spesies, satu varieti, lima varian dan enam genus tribus Hedychieae telah dikutip di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand (Jadual 2.1). Spesimen-spesimen ini diambil segar atau diawet terus dalam larutan pengawet 70% FAA (Formaldehid, Alkohol, Asid Asetik, 0.5 : 9 : 0.5) (Lampiran 1) semasa di lapangan.

Dua atau tiga spesimen telah digunakan bagi setiap spesies yang dikaji kecuali beberapa spesies yang sukar dijumpai dan yang sukar berbunga. Beberapa spesimen voucher telah disimpan di Herbarium, Rimba Ilmu Universiti Malaya.

2.2 Kaedah

Kaedah SEM (Mikroskopi Pengimbasan Elektron) (Moss dan Gareth Jones, 1977) telah digunakan untuk mengkaji dan memerhatikan perbezaan ciri ultrastruktur spesies-spesies yang dipilih daripada tribus Hedychieae. Ciri stoma, trikom dan susunan sel pada permukaan daun, dan ciri debunga, stigma, anter dan labelum pada permukaan bunga telah dikaji. Beberapa peringkat penyediaan spesimen telah dijalankan iaitu pemetongan spesimen, pendehidratan, pengeringan titik genting (CPD), pelekatan spesimen, penyaduran emas dan SEM (Lampiran 2).

Jadual 2.1 : Senarai spesies tribus Hedychieae dan lokasi yang dikaji

Nama genus	Nama spesies	Lokasi	
1	<i>Boesenbergia</i>	<i>B. curtisii</i> <i>B. curtisii</i> (AS 22) <i>B. plicata</i> <i>B. plicata</i> var. <i>rubra</i> <i>B. rotunda</i>	Kebun Botani, UM Air Terjun Momjui, Selatan Thailand Air Terjun Momjui, Selatan Thailand Rimba Ilmu, UM Rimba Ilmu, UM
2	<i>Camptandra</i>	<i>C. latifolia</i> <i>C. ovata</i> <i>C. parvula</i>	Cameron Highland (bunga sahaja) Genting Highland Merapoh, Pahang
3	<i>Curcuma</i>	<i>C. domestica</i> <i>C. sparganifolia</i> <i>C. zeodaria</i>	Rimba Ilmu, UM Kebun Universiti Prince Songkla, Thailand Rimba Ilmu, UM
4	<i>Hedychium</i>	<i>H. coronarium</i>	Rimba Ilmu dan Kebun Botani, UM
5	<i>Kaempferia</i>	<i>K. angustifolia</i> <i>K. elegans</i> <i>K. galanga</i> <i>K. parvula</i> <i>K. puchra</i>	Kebun Universiti Prince Songkla, Thailand Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM
6	<i>Scaphochlamys</i>	<i>Scaphochlamys</i> sp. 1 <i>Scaphochlamys</i> sp. 2 <i>S. biloba</i> <i>S. concinna</i> <i>S. klosii</i> <i>S. kunstleri</i> varian 1 <i>S. kunstleri</i> varian 2 <i>S. kunstleri</i> varian 3 <i>S. kunstleri</i> varian 4 <i>S. kunstleri</i> varian 5 <i>S. kunstleri</i> var. <i>rubra</i> <i>S. sub-biloba</i> <i>S. sylvestris</i>	Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Kebun Botani, UM Rimba Ilmu, UM Tioman, Pahang Kebun Botani, UM